



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA  
DI BAWAH PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2020**

## **PENGENALAN**

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama di **Universiti Awam, Politeknik Premier dan Government Linked University (GLU)** yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **secara Pinjaman Boleh Ubah (PBU)**.

## **2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

2.1. Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

### **2.1.1. Syarat Umum**

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Umur tidak melebihi 22 tahun pada tahun permohonan (23 tahun bagi pelajar peralihan);
- (iii) Calon dan/atau Ibu dan/atau Bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA;
- (iv) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (v) Memiliki Sijil Penuh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (vi) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat pengajian yang sama.

## 2.1.2. Syarat Khusus

Perincian bagi syarat khusus mengikut bidang yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- 1) Telah **memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama** sebelum tarikh iklan ditutup;
- 2) Memenuhi syarat akademik seperti berikut:

### A. Bidang SELAIN Perubatan dan Pergigian:

- (i) Pelajar yang telah memulakan pengajian dan memperoleh PNGK terkini **sekurang-kurangnya 3.00**;

**atau**

- (i) Pelajar yang telah memulakan pengajian tetapi belum melengkapkan sekurang-kurangnya satu semester di peringkat Ijazah Pertama hendaklah memenuhi syarat memperoleh **sekurang-kurangnya 3.25** di peringkat Diploma dari UA / Politeknik / IPTS (GLU) yang disenaraikan;

**dan**

- (ii) **Mempunyai baki 18 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa;**

## **B. Bidang Perubatan dan Pergigian:**

- (i) Memperolehi keputusan '**Lulus**' bagi semester terkini pengajian bagi bidang perubatan dan pergigian;

**dan**

- (ii) **Mempunyai baki 24 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.**

**2.1.3. Semua bidang adalah ditaja di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) Tahun 2020 KECUALI bidang-bidang seperti berikut:**

- (i) Bidang pendidikan;
- (ii) Bidang berkaitan penerbangan yang memerlukan pelajar mengambil **lesen penerbangan**;
- (iii) Program-program berbentuk francais universiti awam / IPTS;
- (iv) Program-program berkembar / *dual award* / *double degree* dengan institusi lain kecuali yang dibenarkan (UKM-UDE dan UMP-HsKA);
- (v) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
- (vi) Program-program berkaitan sijil profesional seperti ACCA; dan
- (vii) Program pengajian secara separuh masa / jarak jauh / atas talian.

## **3. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- (a) Pinjaman akan **ditukar kepada biasiswa** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- (b) **Bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat milik Kerajaan (GLC); atau
- (c) **Bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- (d) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki **membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

#### 4. CARA MEMOHON

Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my/> selama **Dua Puluh (20) hari mulai 11 Mei 2020 (Isnin) sehingga 30 Mei 2020 (Sabtu)**. Calon boleh merujuk *Frequently Ask Question (FAQ)* yang dimuat naik di Portal JPA bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Penajaan Program PIDN Tahun 2020** sebagai bukti permohonan telah dibuat. Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/>.

**Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297 / 3553 / 3387** pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga jam 4:30 petang atau e-mel di alamat <http://jpa.spab.gov.my>.

## **5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Mei 2020 (Sabtu) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## **6. KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Keputusan permohonan penajaan ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my/> pada selewat-lewatnya **September 2020**. Jika terdapat sebarang perubahan pengumuman tarikh keputusan, ia akan dimaklumkan dalam portal eSILA.

**TAMAT**

**SENARAI INSTITUSI YANG DITAJA DI BAWAH PIDN TAHUN 2020**

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. Universiti Malaya (UM)
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)
4. Universiti Sains Malaysia (USM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
9. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
10. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
11. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
12. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
13. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
14. Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)
15. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
16. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
17. Universiti Utara Malaysia (UUM)
18. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
19. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
20. Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
21. Politeknik Premier
22. Malaysia-Japan International Institute of Technology Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM-MJIIT)
23. Universiti Multimedia (MMU)
24. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
25. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
26. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)